

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- a) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mempromosi pulau-pulau terpencil di negara ini sebagai produk pelancongan memandangkan Malaysia mempunyai banyak pulau-pulau yang cantik; dan
- b) setakat mana kesan kejayaan 'Pelancongan Patuh Syariah Malaysia' dalam konteks Tahun Melawat Malaysia 2014 ketika ini. Apakah langkah-langkah polisi dan insentif untuk meningkatkan pencapaian para pengusaha 'Pelancongan Patuh Syariah'

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

Kementerian tiada halangan untuk mempromosikan mana-mana pulau yang terpencil sekiranya ia telah dibangunkan dengan infrastruktur yang mencukupi seperti kemudahan penginapan serta kemudahsampaian yang bersesuaian. Sehubungan itu juga, Kementerian ini mengalu-alukan cadangan daripada mana-mana pihak termasuklah kerajaan negeri berhubung pulau-pulau terpencil yang sedia untuk dipromosikan ke pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

b)

Kedatangan pelancong Islam ke Malaysia pada tahun 2013 dianggarkan seramai 5.2 juta berbanding 1.3 juta semenjak tahun 2000. Kenaikan jumlah pelancong Islam ke Malaysia juga telah memberi kesan yang positif kepada sektor MICE dengan bertambahnya persidangan ekonomi Islam bertaraf global seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) yang masuk edisi ke 10 tahun ini, World Islamic Economic Forum (WIEF), World Halal Conference (WHC) dan Islamic Fashion Festival.

CrescentRating, sebuah portal pelancongan Halal berpangkalan di Singapura bersama-sama dengan Dinar Standard, sebuah firma penyelidikan dari Amerika Syarikat telah menjalankan kajian *online* yang menobatkan Malaysia sebagai destinasi nombor satu paling mesra Muslim selama 4 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014

serta mendahului negara-negara seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Turki dan Indonesia.

Adalah menjadi misi Kementerian ini di bawah agensinya Islamic Tourism Centre (ITC) untuk terus membangunkan sektor pelancongan Islam negara dan memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi mesra Muslim nombor satu di dunia untuk masa-masa akan datang. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang giat dijalankan oleh ITC adalah seperti berikut:-

1. Penerbitan Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Islam di Malaysia

Pelan Induk tersebut adalah inisiatif yang dipelopori ITC yang telah siap pada 2013. Dokumen komprehensif ini merupakan batu asas kepada segala perancangan strategik negara ke arah memajukan sektor pelancongan Islam pada masa depan.

2. Pembangunan kapasiti penggiat industri

Sejak penubuhannya, ITC telah giat menjalankan pelbagai program seperti bengkel dan seminar bagi tujuan membantu dan membangunkan kapasiti penggiat industri tempatan dalam membina kefahaman dalam mengaplikasikan konsep mesra Muslim dalam produk dan perkhidmatan mereka.

Sejak tahun 2009, sebanyak 24 bengkel dan seminar seperti “Briefing on Islamic Tourism (BWIT), Regional Seminar on Islamic Tourism (ReSIT) dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia telah diadakan di seluruh negara.

3. Kerjasama ITC Dengan Organisasi-organisasi Luar Negara

ITC telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan organisasi luar negara ke arah usaha bersama membangun dan mempromosikan produk-produk pelancongan mesra-Muslim di Malaysia.

ITC telah menganjurkan buat pertama kali “Joint Seminar on Islamic Tourism (JoSIT)” pada 17-18 Februari 2014 lalu yang merupakan kerjasama dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia.

Bermula 8 hingga 20 Jun ini, ITC dengan kerjasm Wisma Putra akan mengadakan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) bagi 21 peserta dari 16 negara ASEAN dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC) dengan fokus kepada sektor pelancongan Islam.

4. Perhimpunan Bersama Penggiat-penggiat Industri

Bagi tujuan membolehkan produk-produk pelancongan Islam dipromosikan secara komprehensif, ITC telah mengadakan beberapa siri perhimpunan dengan penggiat-penggiat industri pelancongan yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha hotel, agensi-agensi pelancongan dan pengusaha-pengusaha produk pelancongan.

Perhimpunan sebegini adalah satu daripada usaha ITC bagi menyatukan penggiat-penggiat industri dengan pengusaha-pengusaha produk pelancongan demi menggalakan kerjasama antara kedua belah pihak dalam usaha-usaha promosi serta penerbitan lebih banyak pakej-pakej pelancongan yang mampu

menarik minat pelancong-pelancong ke Malaysia, baik yang Islam mahupun yang bukan Islam.

Sekian, terima kasih.